

THREE LEGS ROLL ON LINIMENT

Methyl Salicylate 50%w/v, Camphor 10%w/v, Menthol 8%w/v

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Three Legs Roll On Liniment
2. Bagaimana Three Legs Roll On Liniment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Three Legs Roll On Liniment
4. Cara menggunakan Three Legs Roll On Liniment
5. Semasa menggunakan Three Legs Roll On Liniment
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Three Legs Roll On Liniment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Three Legs Roll On Liniment

Ia digunakan untuk melegakan sakit otot, sakit sendi, sakit reumatik dan terseliuh.

Bagaimana Three Legs Roll On Liniment berfungsi

Methyl salicylate, *menthol* dan *camphor* adalah analgesik luaran yang merangsang rasa kehangatan dan/ atau sejuk. Ini menghasilkan tindakbalas yang merengsa yang memberikan kelegaan sementara sakit ringan pada otot dan sendi yang berkaitan dengan sakit belakang, artritis, ketegangan dan seliuh.

Sebelum menggunakan Three Legs Roll On Liniment

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan guna pada pesakit dengan idiosyncrasy aspirin atau salicylate.

Pesakit yang diketahui hipersensitif terhadap mana- mana bahan dalam produk ini.

Ubat ini kontraindikasi pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun. Perhatian perlu diberikan kepada kanak- kanak berumur 2 tahun ke atas apabila menggunakannya.

- Sebelum menggunakan

Pada mulanya sapu kuantiti yang kecil pada kawasan kulit yang terhad dan memerhati sama ada ketidakselesaan atau gatal berlaku sebelum sapu pada kawasan kulit yang lebih besar. Jika

iritasi kulit berlaku, sila berhenti gunakannya.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi tentang ubat lain yang anda sedang ambil.

Untuk pesakit yang mengambil warfarin, penyapuan yang berlebihan pada kulit untuk sakit otot dan sendi mungkin akan meningkatkan risiko pendarahan.

Cara menggunakan Three Legs Roll On Liniment

- Berapa banyak harus digunakan

Sapu pada bahagian yang terlibat 2- 3 kali sehari.

Untuk kegunaan luar sahaja. Tidak boleh dimakan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila ikut arahan daripada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Teruskan menggunakannya seperti yang diarahkan oleh doktor anda atau ikut arahan pada label pek.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Gejala termasuk sakit kepala, pening, loya dan muntah, kerengsaan kulit, dermatitis, ruam, kegatalan, kemerahan atau bengkak, rasa panas dan menyegat, boleh dikawal dengan mengurangkan dos.

Semasa menggunakan Three Legs Roll On Liniment

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat yang anda sedang ambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan bersentuhan dengan mata dan membran mukus. Jangan sapu pada luka atau kulit yang rosak. Elakkan penggunaan yang berlebihan semasa kehamilan dan penyusuan. Jangan gunakan secara meluas pada bahagian badan atau balut atau gunakan dengan pad pemanas.

Tanya pengamal perubatan kesihatan anda apa- apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan Three Legs Roll On Liniment.

Kesan-kesan sampingan

Sakit kepala, pening, loya dan muntah, kerengsaan kulit, dermatitis sentuh, ruam, kegatalan, kemerahan atau pembengkakan, rasa panas dan menyegat mungkin berlaku.

Boleh menyebabkan tindak balas hipersensitiviti / alergi pada sesetengah individu yang mempunyai masalah kulit sensitif.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Three Legs Roll On Liniment

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada pancaran terus matahari. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

THREE LEGS ROLL ON LINIMENT

Methyl Salicylate 50%w/v, Camphor 10%w/v, Menthol 8%w/v

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Menthol, camphor, methyl salicylate

- Bahan tidak aktif

Eucalyptus oil, cajuput oil, liquid

paraffin, yuzu fragrance

Maklumat lanjut

A) Three Legs Roll On Liniment (Green Tea)

- Rupa dan warna produk

Clear liniment with green tea smell.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Menthol, camphor, methyl salicylate

- Bahan tidak aktif

Eucalyptus oil, cajuput oil, liquid

paraffin, green tea fragrance

- Nombor MAL:

MALXXXXXXC

- Nombor MAL:

MALXXXXXXC

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd

24, Jalan Lambak, Taman Johor, 81200

Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

27.02.2020

Nombor Siri

NPRA(R2)20/034

B) Three Legs Roll On Liniment (Lime)

- Rupa dan warna produk

Minyak jernih dengan bau limau

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Menthol, camphor, methyl salicylate

- Bahan tidak aktif

Eucalyptus oil, cajuput oil, liquid

paraffin, lime fragrance

- Nombor MAL:

MALXXXXXXC

C) Three Legs Roll On Liniment (Orange)

- Rupa dan warna produk

Minyak jernih dengan bau oren.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Menthol, camphor, methyl salicylate

- Bahan tidak aktif

Eucalyptus oil, cajuput oil, liquid

paraffin, orange fragrance

- Nombor MAL:

MALXXXXXXC

D) Three Legs Roll On Liniment (Yuzu)

- Rupa dan warna produk

Minyak jernih dengan bau yuzu.